

# RAHASIA PAKATAN BERONTAK DI-DEDAH

Berita Harian, 28 January 1965, Page 1

 Article also available on Microfilm Reel NL4321

**RAHASIA PAKATAN |  
BERONTAK DI-DEDAH**  
Ejen2 Sukarno yang hendak  
sambut penyusup2 di-berkas

— Oleh —

**REJAL ARBEE**

— K. LUMPUR, Rabu

**POLIS** telah menangkap sa-orang bekas ahli Parlemen dan sa-orang bekas ahli Dewan Negeri Selangor serta dua orang lagi kerana terlibat dalam satu pakatan hendak melancarkan pemberontakan bersenjata di-negeri ini.

Mereka juga di-katakan telah mengator langkah2 untuk mengadakan jawatankuasa2 sambutan dan pangkalan2 untuk penyusup2 Indonesia.

Mereka itu, di-tahan di-bawah Undang2 Keselamatan Dalam Negeri ia-lah:

**DATO RAJA HANIFAH** bin Haji Abdul Ghani, 42 tahun, Naib Yang di-Pertua PAS dan bekas ahli Parlemen.

**DATUK KAMPO RADJO**, 44 tahun setiausaha agong Parti Perhimpunan Kebangsaan, dan bekas ahli Dewan Negeri Selangor. Lahir di-Indonesia (Sumatra).

**RAIS ANUAR**, 42, lahir dan mendapat pendidikan, di-Indonesia.

**HUSSAIN BIN YAAKOB**, 35 tahun bekas ahli Parti Rakyat, dan anggota jabatan pengarang Utusan Melayu

Sa-buah kenyataan ibu pejabat Polis di-Raja Malaysia di-sini mengenai penangkapan mereka itu menerangkan:

## ***Ranchangan memberontak***

"Mereka telah terlibat dalam satu ranchangan untuk melancarkan satu pemberontakan bersenjata dalam

negeri ini.

"Untuk menjalankan ranchangan ini, mereka telah mengambil dan menghantar beberapa orang Malaysia ka-Indonesia untuk latehan gurila dan pengkhianatan.

Sa-tengah2 orang Malaysia itu telah di-tangkap manakala kembali ka-negeri ini sa-lepas tamat latehan mereka itu.

"Orang2 yang di-tangkap itu telah memberitahu ma'alumat2 sa-lanjut-nya mengenai langkah2 yang telah pun di-ambil oleh orang2 ini untuk mengadakan jawatankuasa2 sambutan, dan pangkalan2 bagi penyusup2 Indonesia.

"Penyiasatan lanjut sedang di-jalankan sekarang," demikian kata kenyataan itu.

Dato Raja Hanifah telah di-tangkap di-Jalan Rasah, Seremban, sa-lepas berbuka puasa semalam, demikian menurut keterangan isteri-nya hari ini.

Menurut isteri-nya, enam orang pegawai polis datang memeriksa rumah lepas berbuka puasa itu.

Datuk Kampo Radjo telah di-tangkap di-rumah-nya di-Sungai Kantan Baru, Kajang, sa-lepas berbuka puasa juga semalam.

Isteri-nya, Che Rashidah binti Ahmad berkata bahawa lima orang pegawai polis telah datang ka-rumah dan juga mengambil beberapa dokumen dan fail Parti Perhimpunan Kebangsaan dan Socialist Front.

Hussain Yaakob pula telah di-tangkap di-Kampung Baharu, Kuala Lumpur, dan Rais Anuar di-Kuala Lumpur juga.

**Dato Raja Hanifah** dulu mewakili kawasan **Pasir Mas Hulu** dalam **Parlemen**.

Waktu itu beliau tinggal di-Pasir Mas.

Beliau kemudian bertanding kembali dalam pilihan raya **Parlemen** tahun 1964 tetapi kalah kepada **chalun Perikatan, Inche Hussain Nordin, di-Parit, Perak**.

Sa-telah kalah dalam pilihan raya itu, **Dato Raja Hanifah** pindah ka-Seremban sa-mula.

Beliau dulu menuntut di-Malay College, **Kuala Kangsar**.

Sa-belum masuk **PAS**, beliau pernah menjadi salah sa-orang tokoh **UMNO** di-Negeri Sembilan.

**Datuk Kampo Radjo** dulu mewakili kawasan **Semenyih** dalam **Dewan Undangan Negeri Selangor** bagi pihak **Perikatan**.

Dalam pilihan raya **Negeri** tahun 1964, beliau bertanding pula sa-bagai **chalun Socialist Front** di-kawasan **Kuala Selangor** tetapi tewas kepada **Raja Rome bin Raja Ma'amor (Perikatan)**.



# Keluar UMNO

Datuk Kampo Radjo berhenti dari UMNO dalam bulan March 1963 dan masuk Parti Perhimpunan Kebangsaan yang ditubuhkan oleh bekas Menteri Inche Aziz Ishak.

Beliau ialah bendahari Socialist Front sejak PPK masuk bergabung dengannya.

Ibu pejabat SF di sini hari ini mengeluarkan kenyataan membandah penangkapan - nya itu.

Hussain Ya'akob ialah sa-orang anggota jabatan pengarang (sub-editor) Utusan Melayu.

Sa-belum itu ia bertugas sa-bagai pemberita Utusan Melayu di-Trengganu, Pahang dan Seremban.

Beliau telah bercheral dengan isteri-nya dan sa-orang anak-nya sekarang dalam peliharaan isteri-nya itu

## Bekas pengerusi

Rais Anuar, 42 tahun, ialah bekas pengerusi Kesatuan Kebangsaan Pe-

kerja2 Lombong chawa-  
ngan Sungai Lembing.  
Kesatuan itu telah di-bu-  
barkan dalam tahun 1958.

Ia menjadi penjaga  
store sa-lama 6 tahun  
waktu memegang jawa-  
tan ketua kesatuan itu.


Rais di-lahirkan dan  
mendapat pendidekan di-  
Indonesia.

Ia telah lebeh 10 tahun  
tinggal di-Pahang dan  
sa-belum itu tinggal di-  
Golok, Thailand.

Hingga baru2 ini ia be-  
kerja dengan sa-buah  
sharikat lombong di-  
Kuantan. Dia maseh bu-  
jang.



**DATUK KAMPO RAJO**



**DATO RAJA HANIFAH**